

# Keputusan pilihan raya kampus UPM dibantah

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) belum membuat pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) berikutan bantahan terhadap calon yang memenangi beberapa kerusi dalam pilihan raya kampus universiti itu, baru-baru ini.

Bantahan itu dibuat kerana calon berkenaan didakwa menggantung poster kempen masing-masing secara bersama atau berdekatan untuk menggambarkan pakatan atau kumpulan mereka.

Perbuatan berpakat atau menubuhkan kumpulan dilarang dalam pilihan raya kampus bagi mengelakkan perpecahan di kalangan pelajar.

Menurut sumber, Jawatankuasa Disiplin, Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM dipengerusikan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajarnya, Prof Madya Datuk Dr Idris Abdol akan bermesyuarat esok bagi menyiasat dan menentukan kesahihan dakwaan berkenaan.

Sekiranya bantahan itu diterima, UPM perlu mengadakan pilihan raya kecil bagi kerusi terbabit dan jika ditolak, universiti itu dijangka melantik Yang Dipertua MPP dan ahli lain di kalangan calon yang menang dalam pemilihan sebelum ini.

Dalam pemilihan MPP UPM akhir bulan lalu, 15 calon memenangi kerusi Umum didahului Uswatun Hasanah Zaidan yang mendapat undi tertinggi, iaitu 7,353 undi, diikuti Khairun Najmi Ahmad, Kerlinda Muslimin, Yuhana Abdul Hamid, Muhammad Bashir Aid.

Calon lain turut menang ialah Jauyah Hamsah, Lai Oi Fung, Ahmad Subkhi Mhd Bakri, Yusoff

Shahrom, Mohd Izwan Baidawi, Mohd Razif Abdullah, Suhaila Abdul Wahab, Nor Hazmin Chamili, Ida Fadliza Abu Zarin dan Syari Jamian.

Sementara itu, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan mengadakan pilihan raya kampus masing-masing hari ini.

Pegawai Perhubungan Awam UiTM, Fauziah Hanim Al Johari, berkata 25 calon bertanding untuk merebut 16 kerusi dan proses pengundian berlangsung dari jam 9 pagi hingga 4 petang ini dan pengumuman keputusannya jam 8 malam.

Bagi pilihan raya kampus UMS, Pegawai Perhubungan Awamnya, Mohd Farish Hussain, berkata seramai 8,352 pelajar akan mengundi antara jam 10 pagi hingga 5 petang ini dan keputusannya dijangka diketahui jam 7 malam.

Seramai 148 calon mendaftar untuk bertanding dengan 31 calon merebut 9 kerusi Umum (termasuk dua bagi UMS Kampus Labuan).

Pegawai Perhubungan Awam Unimas, Henry Tening, pula berkata 24 calon bertanding, masing-masing 12 pelajar merebut lima kerusi fakulti dan empat kerusi umum. Jumlah calon itu tidak termasuk empat calon menang tanpa bertanding bagi empat kerusi fakulti.

"Pengundian bermula jam 9 pagi dan berakhir 3 petang. Keputusan pemilihan akan diumumkan oleh Timbalan Naib Canselor Hep, Prof Sulaiman Manaf pada jam 5 petang," katanya.